

Penyampai : DATO' SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERJUMPAAN BERSAMA DENGAN PERTUBUHAN WANITA SARAWAK
Lokasi : CROWN PLAZA RIVERSIDE HOTEL
Tarikh : 23-02-2001

Syukur Alhamdulillah, kita dapat berjumpa sekali lagi dengan kurniaan Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam suasana aman dan sejahtera pada pagi ini.

2. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana menjemput saya dalam majlis ini yang dihadiri oleh begitu ramai wanita dari berbagai-bagai pertubuhan di Negeri Sarawak ini. Majlis seperti ini menggembirakan saya kerana saya berpeluang berjumpa, bermesra dan mendengar laporan-laporan dan kemajuan aktiviti pertubuhan wanita masing-masing. Saya yakin dan percaya wanita Sarawak cukup giat sekali dalam bidang masing-masing dan berjaya mencapai matlamat atau tujuan masing-masing.

3. Pada zaman dahulu, kita tidak ada apa-apa jua pertubuhan untuk mengaturkan pergerakan wanita atau merancang sesuatu untuk pembangunan wanita supaya wanita boleh hidup dengan lebih selesa, maju dalam apa jua mereka ingin usahakan demi meningkat ilmu pengetahuan wanita amnya.

4. Saya ingat lagi, ibu saya pergi dengan beca (lanca) ke YWCA untuk mempelajari masakan kuih-muih, menjahit dan menerima nasihat berkenaan kesihatan - bagaimana "mem-mem" tidak banyak lahir anak, walhal ibu saya sudah lebih lapan anak ketika itu.

5. Selepas Perang Dunia Kedua, barulah muncul pertubuhan politik dengan tujuan-tujuan tersendiri.

Ketika itu tahun 1945 hingga 1957, tujuan pertubuhan- pertubuhan wanita yang menjadi sayap parti politik, iaitu UMNO di Semenanjung, giat mengumpul ahli-ahli wanita seluruh Semenanjung dan memberi sokongan penuh kepada pemimpin-pemimpin UMNO dan usaha-usaha mereka untuk mencapai kemerdekaan bagi negara. Mereka ada visi mereka dan misi mereka adalah untuk membangunkan kaum bangsa mereka.

6. Selepas 1957, muncul Women's Institute dengan tujuan asas memberi wanita, khasnya di luar bandar, ilmu pengetahuan supaya mereka tidak terasing daripada pembangunan yang Kerajaan rancang untuk luar bandar.

Kelas Pendidikan Dewasa (Adult Education) diadakan di kampung-kampung untuk menghapuskan buta huruf; Kelas Masak-Memasak, Kelas Kesihatan, Kelas Sivik, Kelas Agama semuanya dirancang supaya masalah buta huruf, kemiskinan, kurang sihat dan sikap 'tidak apa' diatasi dengan cepat.

7. Lama-kelamaan, rakyat Malaysia menyedari bahawa rakyat dan masyarakat berbilang kaum perlu membantu Kerajaan menangani masalah-masalah pendidikan, kebajikan, kesihatan dan sebagainya dengan memainkan peranan masing-masing yang mereka sendiri pakar dan minat. Maka tumbuhlah beberapa pertubuhan dengan beberapa matlamat dan tujuan. Pertubuhan politik, badan-badan kebajikan bagi kanak-kanak, wanita dan wargatua, badan keagamaan, badan-badan perkhidmatan sosial umpama Rotary, Lions, Bulan Sabit Merah dan lain- lain. Kesemuanya muncul dengan tujuan-tujuan yang baik dan murni. Kini, ratusan pertubuhan ada dalam negara termasuklah pertubuhan wanita.

8. Perkara ini bagus kerana ia menunjukkan bahawa kaum wanita prihatin ke atas keadaan kaum wanita dan bangsa mereka sendiri. Apa yang kita harapkan ialah setiap pertubuhan yang ditubuhkan itu perlu ada visi dan misinya untuk menentukan keberkesanan dalam membangun dan memajukan ahli-ahlinya yakni wanita sendiri. Pertubuhan itu juga perlu ada hala tuju untuk setiap program dan aktiviti yang dirancang supaya menepati matlamat pertubuhan tanpa mengguna banyak peruntukan wang. Rancangan yang tidak berhaluan dan bermatlamat akan mengambil masa yang tidak tentu dan ini akan menggunakan banyak peruntukan. Oleh itu, every women's organisation should have their vision and mission well understood by its executive committees and members so that their objectives would be successfully achieved within a specific time-frame.

9. Untuk mengurus pertubuhan yang baik dan berjaya, pertubuhan-pertubuhan wanita harus memilih pemimpin- pemimpin yang berkaliber dan mempunyai iltizam, untuk kemajuan diri, pertubuhan dan masyarakat. Seterusnya pertubuhan itu harus melatih barisan pelapis yang muda supaya pengurusan akan bersinambungan dan mengikut pengedaran zaman.

10. Kita kini dalam era teknologi maklumat (I.T.) dan saya percaya kaum wanita tidak rela ketinggalan belakang dalam apa jua kegiatan yang menggunakan I.T. Perubahan mengguna I.T. dalam hidup seharian, kegiatan, pertubuhan dan pekerjaan amat cepat sekali. Sekolah- sekolah, institusi-institusi pendidikan, hospital- hospital, dan lain-lain sedang rancak dalam penggunaan komputer-komputer untuk belajar, dan urusan-urusan perhubungan. Wanita harus menangani kegunaan komputer sekarang juga kerana bukan sahaja ia memudahkan perhubungan antara kita dengan famili atau orang lain, malahan penggunaan I.T. amat perlu untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan sesuatu aktiviti yang dijalankan.

11. Setiap pertubuhan sekarang saya yakin adalah lengkap dengan berbagai-bagai alat dan sumber-sumber lain yang boleh digunakan oleh pertubuhan wanita untuk kegiatan-kegiatan mencapai kejayaan. Sumber-sumber ini mungkin berupa pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu, buku-buku rujukan ataupun peruntukan- peruntukan khas bagi projek-projek pertubuhan yang tertentu.

12. Kesimpulannya, setiap pertubuhan wanita akan menjadi suatu pertubuhan yang berkesan kepada ahli, wanita am dan negara, sekiranya pertubuhan itu mempunyai visi yang tepat dan misinya yang teratur.

Pemimpin-pemimpin pertubuhan haruslah terdiri daripada wanita yang berkaliber, dedikasi dan komited kepada matlamat pertubuhannya. Tidak lupa saya tegaskan di sini jua bahawa ahli-ahli Pertubuhan perlu juga dedikasi dan taat kepada pertubuhan masing-masing dan mengikut peraturan-peraturan/perlembagaan yang didaftarkan.

13. Saya yakin 59 pertubuhan wanita Sarawak yang saya lihat dalam senarai adalah dalam kategori pertubuhan yang bervisi dan misi dan berjaya dalam aktiviti- aktiviti mereka bawah pemimpin-pemimpin mereka yang cekap, cergas dan komited.

14. Sungguhpun kita berbeza-beza dalam matlamat dan tujuan dalam pertubuhan, kita harus bekerjasama antara satu sama lain dalam apa pertubuhan pun kerana dengan secara ini sahajalah akan ada perpaduan dalam kalangan kaum wanita. Ini amat penting sekali untuk mencapai keamanan, persefahaman dan harmonis dalam negara yang majmuk seperti Malaysia. Agama, bangsa dan suku-suku kaum tidak harus menjadi halangan untuk kita hidup selesa bersama-sama.